

www/KABO/UM/15.6.2010/P:10(1) - 5-repo

Transformasi menyeluruh RMK-10

Oleh PROF. MADYA DR. ASAN
 ALI GOLAM HASSAN

RANCANGAN Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang telah dirangka bersifat menyeluruh dan tidak mustahil untuk Malaysia mencapai taraf negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Transformasi ekonomi akan datang menyaksikan tumpuan yang lebih diberi kepada usaha meningkatkan modal insan dan industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Langkah ini secara langsung akan meningkatkan pendapatan negara melalui peningkatan nilai eksport dan dalam masa yang sama, peningkatan upah turut berlaku. Peningkatan modal insan yang berlaku juga akan meningkatkan penggunaan domestik.

Peralihan kepada industri nilai tambah tinggi itu juga akan dapat mengurangkan aliran pekerja asing tidak terlatih ke Malaysia. Promosi Malaysia sebagai negara yang mempunyai kadar upah yang rendah, memang sudah tidak lagi sesuai. Upah pekerja Malaysia tidak lagi rendah secara relatif. Yang rendah adalah upah pekerja asing yang bekerja di Malaysia. Malaysia wajar dipromosikan sebagai sebuah negara yang sedang beralih kepada aktiviti intensif teknologi dengan nilai tambah yang lebih tinggi dan model insan yang terlatih dengan pengambilan pekerja asing dilaksanakan secara bijaksana dan terpilih.

Dalam masa yang sama, dasar mengurangkan ketidakseimbangan terus diberi penekanan. Ini kerana dalam proses transformasi ekonomi kepada modal insan dan industri berasaskan keekonomi itu, pasti ada golongan yang tidak dapat mengecapi faedah daripada proses transformasi yang berlaku atau mungkin golongan itu akan terus terpinggir. Separuh menganggur atau pengangguran struktur juga mungkin berlaku. Oleh itu, golongan ini harus dikenal pasti, siapa, di mana dan mengapa mereka terus terpinggir.

Dasar pengagihan yang telah dirangka dalam RMK-10 dijangka dapat mengatasi masalah itu melalui satu kaedah pementauan yang menyeluruh dari atas ke bawah iaitu melalui agensi kerajaan dan dari bawah ke atas, melalui keprihatinan komuniti setempat. Langkah memperkuat satu sistem jaringan sosial dalam RMK-10 juga diharap bukan sahaja tertumpu kepada program kemiskinan dan kebajikan tetapi juga jaringan pekerjaan, kesihatan dan pendidikan supaya golongan yang mudah miskin tidak terperangkap kembali dalam putaran kemiskinan dan supaya kemiskinan yang berlaku tidak diwarisi kepada anak-anak.